



INTERNAL MEMO

Ref No :
From : Dr See Hoon Peow, Chief Executive / Vice-Chancellor
To : All staff
CC :
Date : 13th August 2020
Subject : **Launch of the FRIENDS Teahouse on 19th August 2020**

Dear all,

One of the priorities of BERJAYA UC is to provide access to tertiary education to Malaysians and citizens of other countries as it believes that one's learning is enriched when the environment is rich with the presence of both staff and students from different backgrounds. Hence, we are embarking on an internationalisation journey with the objective of positioning BERJAYA UC as an institution of higher learning that prioritises its development to cater to a global audience.

BERJAYA UC's membership in the Erasmus+ FRIENDS Project aims to strengthen our internationalisation capabilities and to develop our students' global experiences through the focused integration of inter-cultural dimensions into BERJAYA UC's formal and informal curriculum.

One of the key outcomes of the project is the establishment of the FRIENDS TEAHOUSE, a multi-cultural hub for students, under the purview of the Office of the Deputy Vice-Chancellor.

As such, the FRIENDS TEAHOUSE will be launched on 19th August 2020 in the presence of Ms. Ellen Flanagan, the Political Attaché for the EU Delegation to Malaysia.

Thank you.

A handwritten signature in blue ink, appearing to read "See Hoon Peow".

Dr. See Hoon Peow
Chief Executive Officer
BERJAYA HIGHER EDUCATION SDN BHD

BERJAYA HIGHER EDUCATION SDN BHD
Board of Directors

BERJAYA UC
Board of Governors

Chief Executive Officer /
Ketua Executive

SENATE

Vice-Chancellor

**Office of the Deputy Vice-
Chancellor**

FACULTY OF BUSINESS
Dean

FACULTY OF CULINARY ARTS
Director of Culinary Arts

FACULTY OF HOSPITALITY & TOURISM
Dean

FACULTY OF LIBERAL ARTS
Dean

DEPT OF GENERAL STUDIES
Head
BERJAYA Language Centre
Head

CENTRE FOR TEACHING & LEARNING
Head

CENTRE FOR INSTITUTIONAL RESEARCH
Head

LEARNING RESOURCE CENTRE
Chief Librarian

Office of the Registrar
Registrar
Deputy Registrar
Office of Administrations & Records
Examinations Office
Government & Compliance Liaison Office

Dept of Student Services
Director
Student Affairs
Student Development & Counselling
Accommodation & Transport Services
Sports & Recreation
Alumni & Career Placement

CENTRE FOR RESEARCH EXCELLENCE
Deputy Vice-Chancellor

CENTRE FOR QUALITY ASSURANCE AND ENHANCEMENT
Head - QAE

OCCUPATIONAL HEALTH, SAFETY & ENVIRONMENT
Head

ERASMUS FRIENDS TEAHOUSE
FRIENDS Project Team

FINANCE
Head of Finance

SALES & MARKETING
Director

BUSINESS DEVELOPMENT
Director

PR / COMMUNICATION **
Manager

CENTRE FOR PROFESSIONAL DEVELOPMENT
Director

HUMAN RESOURCES
Director

OPERATION AND RESOURCES *
Manager

ICT
Head

Sherina Pang

SHERINA PANG
DIRECTOR, HUMAN RESOURCES



Note:
* Facilities & Maintenance, Transportation
** Design & Creative, Online Media, & Events





PEMUPUKAN KAPASITI PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN KEPELBAGAIAN ANTARA BUDAYA BAGI MENGUKUHKAN PROSES PENGATARABANGSAAN DI DALAM KAMPUS

Furthering International Relation Capacities and Intercultural
Engagement to Nurture Campus Diversity and Support
Internationalisation at Home FRIENDS

Home Away from Home Programme

Dokumen ini menerangkan secara mendalam Program 'Home Away From Home' di dalam Bahasa Melayu bagi rujukan mudah kepada pelajar tempatan.

Translated by/ Diterjemahkan oleh Ronald W Binati

ronald.willie@berjaya.edu.my
buc.friends@berjaya.edu.my



Co-funded by the
Erasmus+ Programme
of the European Union



Furthering International Relations Capacities and Intercultural Engagement to Nurture Campus Diversity and Support Internationalisation at Home (FRIENDS)

‘Pemupukan Kapasiti Perhubungan Antarabangsa dan Kepelbagaian Antarabudaya bagi Mengukuhkan Proses Pengantarabangsaan di Dalam Kampus’

Program ‘Home Away From Home’

1. Pengenalan

Projek FRIENDS ini merupakan projek dibawah naungan Program Erasmus+ dalam membina Kapasiti Institusi Pengajian Tinggi (CBHE). Projek ini menyatukan 12 rakan kerja Asian and 4 rakan kerja dari benua Eropah. Projek FRIENDS ini dibina berdasarkan keperluan dan konsep pengantarabangsaan dari ‘rumah’/ ‘institusi’ terutama sekali rakan kerja universiti Asian iaitu Bhutan, Kemboja, Filipina dan Thailand.

Program ‘Home Away From Home’ ini digagaskan untuk memenuhi keperluan pelajar tempatan dan antarabangsa yang umumnya mempunyai perbezaan budaya dan sedang mengikuti pengajian di 12 kampus rakan sekerja di Asia. Program ini cuba mengintegrasikan keperluan pelajar tempatan dan antarabangsa dengan memberikan sokongan moral, kemudahan belajar serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang ideal dan ramah pelajar. Model pembangunan kapasiti untuk program ‘Home Away From Home’ ini telah melalui fasa pembangunan melalui perbincangan meyeluruh dengan mengambilkira keperluan semua institusi yang terlibat melalui perbincangan maya yang telah diadakan pada 8hb Oktober 2020, melibatkan 49 kakitangan dan eksekutif yang terlibat secara langsung dari awal pembanguna projek FRIENDS ini.

Garis panduan bagi memenuhi sokongan kepada pelajar IPT akan diterangkan dengan lebih lanjut dan akan melalui proses pengadaptasian menurut keperluan institusi yang terlibat yang mana mencerminkan identiti dan keperluan institusi masing masing.

1. Polisi dan Peraturan di Berjaya Universiti College

Adalah menjadi polisi dan peraturan institusi ini untuk mengambilkira keperluan semua pelajar termasuklah pelajar antarabangsa terutama sekali dalam memastikan persekitaran yang selamat dan penyayang supaya kesemua pelajar dapat mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam pembelajaran mereka.

1.1 Polisi Institusi

Polisi ini meliputi sokongan yang akan diberikan kepada pelajar antarabangsa termasuklah bantuan dan sokongan sebelum berangkat ke Malaysia, ketibaan dan sokongan di kampus selain bantuan setelah pelajar tamat pengajian dan balik ke negara asal.

Projek ini didukung oleh komisi Kesatuan Eropah. Penyerian dan tanggungjawab dokumen ini tertakluk kepada penulis dan komisi Kesatuan Eropah tidak bertanggungjawab kepada mana mana pihak yang menyalahguna informasi di dalam dokumen ini.



1.2 Pejabat Tetap dan Staf Sokongan

Di Berjaya UC, terdapat pejabat tetap dipanggil 'International Student Services Office' yang mana terdapat staf sokongan sepenuh masa yang membantu pelajar antarabangsa. Masa perkhidmatan adalah dari jam 9 pagi sehingga 6 petang dan jika diperlukan, semasa hujung minggu. Staf sokongan ini juga boleh dihubungi sekiranya terdapat hal-hal kecemasan yang memerlukan pemantauan dan bantuan pihak kolej university. Dengan dibantu oleh 'Department of Student Affairs', staf sokongan akan sentiasa memantau keberadaan pelajar antarabangsa dan bilaman diperlukan, akan bersedia memberi bantuan melalui telefon, media sosial terpilih dan medium perhubungan lain.

1.3 Hotline Kecemasan 24/7

Perkhidmatan dan sokongan berterusan 24 jam kepada pelajar akan diberikan terutama sekali untuk pelajar antarabangsa. Ini termasuklah memastikan staf sokongan berada dalam lingkungan 20 minit dari kawasan kediaman pelajar.

1.4 Visa Pelajar

Pelajar antarabangsa diwajibkan untuk memohon VAL sebelum berangkat ke Malaysia untuk memulakan pengajian. Untuk itu, Berjaya UC akan memastikan sokongan permohonan diberikan terutama sekali dalam penyediaan dokumentasi untuk memulakan permohonan visa pelajar serta pembaharuan visa sekiranya visa tersebut tamat sebelum pelajar habis pengajian. Lain lain sokongan akan diberikan tertakluk kepada keperluan imigresen Malaysia.

1.5 Insuran Kemalangan dan Kesihatan

Berjaya UC akan memastikan pelajar antarabangsa diberikan perlindungan insuran kemalangan dan kesihatan sepanjang pengajian pelajar. Pelajar antarabangsa juga bertanggungjawab memastikan untuk memohon sekurang kurangkan perlindungan insuran asas semasa tempoh pengajian di BERJAYA UC. Selain itu kemudahan untuk mendapatkan polisi perlindungan baru dan memperbaharui polisi sedia ada sekiranya perlu mesti diberikan oleh Pejabat Perhubungan Pelajar/ Pejabat Pelajar Antarabangsa.

1.6 Hak dan Kewajipan Pelajar Antarabangsa

Kesamarataan dan kewajipan yang diberikan kepada pelajar tempatan harus diberikan kepada pelajar antarabangsa terutama sekali berkaitan peraturan menduduki peperiksaan contohnya peraturan plagiarisme, meniru semasa peperiksaan dll. Berjaya UC juga harus memastikan kesemua pemakluman peraturan berkaitan akademik dan peperiksaan diberitahu kepada semua pelajar, tempatan dan antarabangsa.

Projek ini didukung oleh komisi Kesatuan Eropah. Penyerian dan tanggungjawab dokumen ini tertakluk kepada penulis dan komisi Kesatuan Eropah tidak bertanggungjawab kepada mana mana pihak yang menyalahguna informasi di dalam dokumen ini.



2. Sokongan kepada Pelajar Antarabangsa

2.1 Sokongan Akademik

Sokongan Sebelum Berangkat

Berjaya UC ada menyediakan buku informasi pelajar 'student handbook' di dalam Bahasa Inggeris kepada semua pelajar tempatan dan antarabangsa yang mana di dalamnya tertera maklumat penting berkaitan dengan persediaan bagi pelajar antarabangsa termasuklah keperluan dan sokongan akademik. Kaunseling secara maya juga akan diberikan sebelum pelajar berangkat ke Malaysia selain pemberitahuan berkenaan program akademik pelajar, pengkhususan serta maklumat penting berkaitan fakulti dimana pelajar tersebut akan belajar.

Program Orientasi

Berjaya UC akan mengadakan program orientasi kepada semua pelajar baru, tempatan dan antarabangsa dengan tujuan memperkenalkan kemudahan university kepada semua pelajar termasuklah kemudahan perpustakaan, makmal computer, kemudahan akademik dan pejabat perhubungan pelajar selain fasiliti berkaitan sosial dan rekreasi. Selain itu, polisi university berkenaan dengan keperluan akademik dan pelan belajar akan dimaklumkan sepanjang program orientasi berlangsung. Lawatan berkumpulan juga diberikan bagi memudahkan orientasi pelajar baru. Berjaya UC menasihati agar semua pelajar antarabangsa untuk tiba beberapa hari sebelum program orientasi berlangsung bagi memudahkan peralihan pelajar baru ke persekitaran pembelajaran baru di Berjaya UC.

Mentor/ Penasihat akademik

Berjaya UC akan memastikan setiap pelajar, tempatan dan antarabangsa diberikan seorang penasihat/mentor akademik sepanjang tempoh pengajian bagi membantu pelajar menempuh pembelajaran dalam keadaan yang baik terutama sekali berkaitan isu-isu akademik. Penasihat akademik ini harus sentiasa boleh dihubungi dengan mudah oleh pelajar. Di Berjaya UC, pemantauan kehadiran kelas, prestasi akademik dan keputusan peperiksaan akan dipantau secara rapi bagi memastikan pelajar lulus dengan kepujian. Sekiranya prestasi pelajar kurang memberangsangkan, penasihat akademik akan memastikan intervensi sepatutnya bagi membantu pelajar lulus dan tamat pengajian dalam masa yang telah ditetapkan.

Sokongan Bahasa

Sebilangan besar pelajar antarabangsa bukan berasal dari negara yang asalnya bukan bertutur dalam Bahasa Inggeris walaupun sudah berjaya dalam peperiksaan wajib bahasa Inggeris yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, namun mereka masih mempunyai masalah memahami dengan baik silibus pembelajaran. Oleh yang demikian, Berjaya UC akan memberikan sokongan dan kelas tambahan secara intensif, semi intensif atau secara part-time bagi memperbaiki penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan pelajar antarabangsa. Disamping itu, pelajar tempatan yang

Projek ini didukung oleh komisi Kesatuan Eropah. Penyerian dan tanggungjawab dokumen ini tertakluk kepada penulis dan komisi Kesatuan Eropah tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak yang menyalahguna informasi di dalam dokumen ini.



fasih dalam bahasa Inggeris juga akan diserapkan bagi membantu pelajar antarabangsa berasimilasi di dalam komuniti selain memberikan 'survival skills' kepada pelajar antarabangsa terutama sekali ketika berada diluar kelas/diluar kolej.

Pengiktirafan Kredit

Berjaya UC mengiktiraf dan menyokong pengiktirafan kredit bagi tujuan pertukaran pelajar. Sebagai rujukan, 1 credit adalah bersamaan dengan 1.5 ECTS.

3.2 Kemudahan Kesihatan termasuk Kesihatan Mental dan Kaunseling

Insuran Kesihatan dan Kemalangan

Semua pelajar antarabangsa diwajibkan untuk mempunyai insuran kesihatan dan kemalangan sepanjang tempoh pengajian. Bagi memudahkan proses permohonan insuran, yuran pengajian yang dibayar kepada Berjaya UC akan disertakan sekali bayaran insurans dengan harga yang berpatutan dan akan mengambil kira tempoh pengajian pelajar.

Kemudahan Kesihatan Di Kampus

Bila mana diperlukan, kemudahan dan fasiliti kesihatan akan diberikan kepada semua pelajar dan didalam konteks Berjaya UC, panel klinik terdapat di tingkat 10 dan tingkat 7 Berjaya Times Square selain klinik panel di tingkat 1, Plaza Berjaya. Kemudahan kaunseling di dalam kampus juga akan diberikan secara percuma kepada semua pelajar.

Bimbingan Kaunseling

Dimana diperlukan, Berjaya UC melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar akan senantiasa bersedia dalam memberikan bantuan dan nasihat kepada pelajar antarabangsa yang mengalami kesulitan. Bantuan dan sokongan yang diberikan adalah dalam bentuk sokongan/ sesi launseling oleh kaunseling bertauliah bagi menyokong kesihatan mental di kampus terutama sekali dikalangan pelajar antarabangsa yang jauh dari keluarga dan sanak- saudara. Sesi kaunseling yang diberikan inin dibolehkan dalam bentuk bersemuka, online secara webinar dan akan diselia secara berkala menurut semester dan takwim kampus. Pengenalpastian pelajar yang mengalami masalah contohnya akademik akan diselia oleh pihak fakulti dan perlu senantiasa dipantau oleh Pejabat Perhubungan Pelajar Antarabangsa. Pemantauan kehadiran oleh pihak fakulti adalah sangat diharapkan dengan tujuan untuk membantu pelajar daripada keciciran. Ini biasanya berlaku di tahun pertama pengajian dimana pelajar antarabangsa gagal mengawal diri dan terikut ikut dengan rakan sebaya. Bantuan kaunseling juga diberikan terutama sekali kepada pelajar yang terkandas di dalam negara akibat pandemic covid-19. Informasi terkini berkaitan dengan sesi persekolahan dan kuliah, serta larangan merentas negeri juga perlu diberitahu kepada pelajar antarabangsa supaya mereka tidak menyalahi undang-undang

Projek ini didukung oleh komisi Kesatuan Eropah. Penyerian dan tanggungjawab dokumen ini tertakluk kepada penulis dan komisi Kesatuan Eropah tidak bertanggungjawab kepada mana mana pihak yang menyalahguna informasi di dalam dokumen ini.



berkaitan pandemic covid-19. Sekiranya perlu, bantuan juga boleh diberikan dalam bentuk sokongan maya melalui pautan 'google meet atau zoom.

3.3 Integrasi Social dan Pembudayaan

Mentor-mentee/ Pembimbing Rakan Sebaya

Berjaya UC akan menyusun atur 'system buddy' atau pembimbing rakan sebaya dari kalangan pelajar tempatan; untuk pelajar antarabangsa bagi membantu proses integrasi dengan bantuan pelajar tempatan. Aktiviti seperti lawatan sekitar kampus, aktiviti riadah dan sosial, lawatan sekitar bandar akan diadakan. Selain itu, isu praktikal seperti membuka akaun bank, membeli simkad nombor tempatan dan cara-cara menggunakan pengangkutan awam juga akan dibantu. Nasihat praktikal sebegini akan diberitahu kepada pelajar antarabangsa sebelum menjejakkan kaki ke Malaysia sebagai salah satu persediaan wajib. Maklumat ini akan/ boleh diberikan secara maya bagi membantu mempercepatkan proses integrasi ke dalam masyarakat.

Orientasi

Semasa program orientasi dijalankan, budaya setempat akan diperkenalkan secara berperingkat terutama sekali di dalam aspek sosial selain memperkenalkan sistem akademik universiti. Program orientasi ini bukan sahaja akan memperkenalkan pelajar antarabangsa kepada peraturan Berjaya UC tetapi juga memastikan mereka akan rasa selamat berada di tempat dan persekitaran yang baru selain memastikan pematuhan kepada undang-undang setempat yang mana adalah berbeza berbanding undang-undang negara asal pelajar antarabangsa.

Penganjuran Aktiviti Bersama

Berjaya UC akan memastikan penganjuran aktiviti sosial dan ko-kurikulum yang terbuka kepada kesemua pelajar – baik local dan antarabangsa. Pelajar antarabangsa akan dijemput menyertai kelab sukan/sosial/ hobi dan persatuan sedia ada selain aktiviti yang dianjurkan oleh Kesatuan Pelajar. Selain itu, pelajar antarabangsa akan diberi peluang untuk mengikuti aktiviti kebajikan dan kesukarelaan luar kampus terutama sekali dalam aktiviti sosial bagi membantu golongan minority atau golongan rentan. Bukan itu sahaja, aktiviti kebudayaan juga akan dianjurkan Bersama pelajar setempat. Ini sedikit sebanyak akan mengukuhkan asimilasi dan kefahaman terhadap budaya setempat.

Perkenalan dengan Staff Sokongan

Adalah menjadi kewajipan Berjaya UC untuk memperkenalkan pelajar antarabangsa dengan pejabat dan bahagian/ institusi penting berkaitan dengan hal ehwal pelajar antarabangsa. Ini akan membantu pelajar terutama sekali ketika menghadapi kesulitan berintegrasi dengan budaya setempat atau ketika menghadapi situasi dimana pelajar mengalami kesulitan untuk memahami budaya setempat. Untuk

Projek ini didukung oleh komisi Kesatuan Eropah. Penyerian dan tanggungjawab dokumen ini tertakluk kepada penulis dan komisi Kesatuan Eropah tidak bertanggungjawab kepada mana mana pihak yang menyalahguna informasi di dalam dokumen ini.



membantu proses integrasi tersebut, lejar antarabangsa boleh memohon untuk bekerja sebagai 'intern' dibahagian/ department yang mengendalikan ehwal pelajar seperti perpustakaan, pejabat perhubungan pelajar dan hal ehwal pelajar sebagai contoh.

Aktiviti Kebudayaan

Berjaya UC akan menganjurkan aktiviti kebudayaan bagi mengalakkan perkongsian budaya dikalangan pelajar tempatan dan antarabangsa. Perkongsian budaya ini boleh dilainkan melalui penganjuran hari Antarabangsa 'International Day' atau dalam bentuk festival dan menyerapkan elemen budaya di dalam lagu lagu tradisi, makanan tradisi mengikut kaum/ etnik dan seni tari sebagai contoh. Elemen lain seperti puisi, pantun, karya sastera juga boleh diterapkan. Disamping itu, perayaan budaya dan agama tempatan juga boleh disambut bersama di dalam kampus sebagai contoh Pesta Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Thaipusam serta sambutan Hari Krismas. Sambutan dan Festival bersifat Global seperti Hari Erasmus, Minggu Makanan Antarabangsa, Hari Kemerdekaan, Pertandingan Masakan Tradisi sebagai contoh boleh juga dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Hari Sukan juga boleh dianjurkan bagi memupuk semangat kesukanan dan kerjasama diantara seluruh warga kampus dan tidak tertumpu kepada pelajar tempatan sahaja.

3.4 Kehidupan Sosial Di Dalam Kampus/ Kemudahan dan Fasiliti

Berjaya UC berhasrat untuk mengukuhkan fasiliti dan kemudahan bagi kegunaan warga pelajar antarabangsa bagi membolehkan mereka untuk hidup selesa sebagai pelajar antarabangsa selain menjamin taraf hidup yang selesa dan selamat. Selain daripada kualiti pembelajaran dan pengajaran yang terbaik, BERJAYA UC akan memastikan pelajar antarabangsa mempunyai akses kepada kemudahan kesihatan dan pergigian, dewan makan dan kompleks/kemudahan sukan. Senarai kemudahan asas pelajar termasuklah :

- FRIENDS Teahouse
- Kemudahan Kesihatan dan Pergigian yang lengkap – klinik kesihatan/ klinik pergigian yang berdekatan
- Penginapan di kampus/ sekitar kampus/ kemudahan asrama
- Kantin/ dewan makan/ restaurant yang menawarkan harga yang berpatutan dan boleh dimakanoleh segenap lapisan agama
- Kemudahan sukan yang lengkap (kolam renang, gym)
- Bilik Keagamaan/ Surau
- Perpustakaan yang menawarkan buku dan journal maya
- Pejabat pos dan bank
- Kelad dan Persatuan
- Wi-Fi percuma di Kampus
- Perkhidmatan Pengangkutan
- Kedai Buku

Projek ini didukung oleh komisi Kesatuan Eropah. Penyerian dan tanggungjawab dokumen ini tertakluk kepada penulis dan komisi Kesatuan Eropah tidak bertanggungjawab kepada mana mana pihak yang menyalahguna informasi di dalam dokumen ini.



- Kedai Dobi
- Pusat Kebudayaan

Selain itu, kemudahan kemudahan lain boleh ditambahbaik oleh Pejabat Perhubungan Antarabangsa atau Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Disamping itu, kemudahan penginapan dan asrama yang menempatkan pelajar antarabangsa juga harus disediakan berserta dengan warden asrama yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik. Pengawasan sekuriti berterusan di kawasan asrama bagi menjamin keselamatan pelajar juga harus di sediakan.

3.5 Servis – Visa Pelajar, Isu Imigresen dan Maklumat Sokongan

Sokongan Pra-Ketibaan

Sejurus selepas permohonan pelajar antarabangsa diluluskan, Berjaya UC, melalui bahagian berwajib akan memberitahu maklumat berkenaan dengan keperluan imigresen terutama sekali dalam permohonan visa pelajar dan lain lain hal berkenaan dengan dokumentasi sebelum pelajar berangkat ke Malaysia. Pegawai yang terbabit juga akan memaklumkan serta memberi garis panduan di dalam Bahasa Inggeris (pautan ke laman web berkenaan) kepada pelajar terbabit yang menggariskan persediaan sebelum berangkat – maklumat penginapan dan asrama, insuran kesihatan, visa, pengurusan kewangan sebagai pelajar antarabangsa, benda yang perlu dibawa Bersama, maklumat berkenaan university, bandar yang akan didiami, maklumat umum berkenaan Malaysia, Bahasa pertuturan seharian, undang undang, kemudahan dalam kampus dan asrama dan sebagainya. Maklumat ini boleh didapati di laman web universiti atau dihantar secara maya kepada pelajar antarabangsa.

Maklumat ini adalah sangat penting sebagai garis panduan dan rujukan kepada pelajar antarabangsa yang akan menuntut di Berjaya UC. Adalah disarankan semua maklumat ini disalurkan secepat mungkin, beberapa minggu atau bulan sebelum pelajar berangkat ke Malaysia. Proses ini boleh dipercepatkan dengan mengadakan sesi e-kaunseling secara maya sebagai contoh melalui aplikasi Skype, Google Meet atau Zoom. Ini termasuklah untuk memastikan pelajar mendapat tempat di asrama yang telah disediakan oleh pihak universiti. Kakitangan yang terlibat juga mesti memaklumkan kesemua dokumen yang diperlukan bagi memohon visa pelajar sebelum berangkat ke Malaysia.

Ketibaan

Kakitangan yang menguruskan ketibaan pelajar antarabangsa mesti menyediakan kemudahan 'pick-up' atau menjemput di lapangan terbang sebelum menghantar mereka ke kediaman yang telah ditentukan sebelum ini. Rakan sebaya bagi membantu pelajar antarabangsa boleh diberikan sejurus selepas ketibaan atau bergantung kepada budi bicara Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Secara ideal, Berjaya UC akan memastikan pelajar antarabangsa yang baru tiba dibekalkan dengan 'welcome pack' yang terisi dengan peta, maklumat asas university, panduan berkenaan Kuala Lumpur dan cara



Co-funded by the
Erasmus+ Programme
of the European Union



menggunakan kemudahan pengangkutan di Malaysia serta buku Bahasa yang menerangkan ekspresi sehari-hari orang Malaysia.

Sokongan di Kampus

Berjaya UC mempunyai bahagian hal ehwal pelajar dan bahagian Perhubungan Pelajar Antarabangsa dimana ia memberikan bantuan serta sokongan kepada pelajar antarabangsa terutama sekali berkenaan dengan keperluan undang-undang imigresen serta permohonan visa pelajar. Kebiasaannya, di Berjaya UC, permohonan visa pelajar akan dibantu oleh bahagian yang terbabit dan akan diuruskan sepenuhnya bagi pihak pelajar.

Bahagian hal ehwal pelajar Berjaya UC akan memastikan sejurus ketibaan pelajar antarabangsa, sokongan akan diberikan dalam bentuk panduan dimana pelajar boleh bertanyakan maklumat tentang kehidupan sosial university, bagaimana melibatkan diri di dalam kelab dan persatuan sedia ada selain hal-hal peribadi seperti melengkapkan pengurusan pembukaan akaun bank, mendapatkan nombor telefon mudah alih tempatan serta berhubung dengan kedutaan rasmi pelajar. Selain itu, di Berjaya UC, kesemua panduan dan arah adalah didalam Bahasa Inggeris. Disamping itu;

- Memberikan peluang kepada pelajar antarabangsa, peluang menjalani program pertukaran pelajar, sama seperti program kepada pelajar tempatan
- Penyertaan ke dalam program FRIENDS teahouse atau yang sewaktu dengannya

Maklumat Tambahan

Di Berjaya UC, kesemua laman web, platform Pendidikan, akaun rasmi social media di Facebook, Twitter, Instagram, Youtube dan LinkedIn adalah dalam Bahasa Inggeris bagi memudahkan kesemua pelajar antarabangsa. Bahasa pengantar rasmi universiti dalam Bahasa Inggeris diikuti oleh Bahasa Melayu.

Sokongan Tamat Pengajian

Kakitangan terbabit akan membantu pelajar antarabangsa menguruskan kesemua dokumentasi apabila pelajar tamat pengajian. Berjaya UC juga memastikan kesemua pelajar antarabangsa didaftarkan secara automatik ke dalam persatuan bekas pelajar Berjaya UC/ Alumni association bagi meneruskan komunikasi antara bekas pelajar dan universiti.

Kesimpulan

Panduan ini berfungsi untuk memastikan hal ehwal pelajar antarabangsa terjaga selain mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam pembelajaran serta kampus yang peramah. Kunci utama dokumentasi ini adalah sebagai garis panduan berkenaan dengan polisi dan penjagaan hal ehwal pelajar antarabangsa selain memastikan kualiti pembelajaran yang berkualiti tinggi. Ini termasuklah

Projek ini didukung oleh komisi Kesatuan Eropah. Penyerian dan tanggungjawab dokumen ini tertakluk kepada penulis dan komisi Kesatuan Eropah tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak yang menyalahguna informasi di dalam dokumen ini.



Co-funded by the
Erasmus+ Programme
of the European Union



memastikan penjagaan di dalam pembelajaran sepanjang pengajian, kesihatan mental dan fizikal termasuklah penyediaan khidmat kaunseling bila diperlukan pelajar, integrasi sosial dan budayaserta servis berkaitan visa pelajar, dokumentasi dan urusan imgresen.



Projek ini didukung oleh komisi Kesatuan Eropah. Penyerian dan tanggungjawab dokumen ini tertakluk kepada penulis dan komisi Kesatuan Eropah tidak bertanggungjawab kepada mana mana pihak yang menyalahguna informasi di dalam dokumen ini.